

Isu pensijilan halal restoran

Kenyataan Ahli Parlimen Seputeh tak mewakili PH

PM tegur Teresa usah keruhkan keadaan, perlu jaga sensitiviti agama dan kaum

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Seremban: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menegur Naib Pengerusi DAP, Teresa Kok yang mencetuskan kontroversi berkait pensijilan halal dan menegaskan kenyataan Ahli Parlimen Seputeh itu tidak mewakili Pakatan Harapan (PH).

Perdana Menteri yang juga Pengerusi PH, berkata adalah tidak wajar kenyataan mengkeruhkan keadaan seperti itu dikeluarkan dalam negara seperti Malaysia yang perlu menjaga sentimen masyarakat Islam dan bukan Islam.

“Kalau dia mahu mewakili beberapa pihak, tidak mengapa, tetapi tidak perlu (kenyataan secara terbuka) kerana ia tidak membantu untuk menjernihkan keadaan. Kita kena jaga sentimen Muslim dan bukan Islam.

“Caranya runding secara elok dahulu, bukan tunjuk kehebatan masing-masing. Negara kita sudah dalam keadaan baik sekarang, politik sudah stabil, penghargaan dunia baik, ekonomi naik.

“Perlu apa perkara ini nak merosakkan,” katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Kawasan Rehat dan Rawat



(R&R) Seremban di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah selatan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Pengerusi PLUS, Datuk Mohamad Nasir Ab Latif.

Anwar mengulas kenyataan Teresa yang dipetik berkata, cadangan untuk mewajibkan pensijilan halal bagi restoran yang tidak menyediakan makanan berasaskan babi dan alkohol hanya akan menambah kesukaran operasi perniagaan.

Pemimpin DAP berkenaan juga berpandangan syor Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) itu turut berpotensi menambah beban kepada perniagaan kecil kerana menambah kos peniaga, termasuk membatik ribuan pengusaha restoran Melayu.

JAKIM bagaimanapun menegaskan syor mewajibkan pensijilan halal yang hanya memerlukan kos RM100 hingga RM200

setahun itu, masih di peringkat cadangan.

Menegaskan pandangan Teresa itu tidak mewakili pendirian PH, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata kenyataan yang menyentuh sensitiviti agama dan kaum tidak perlu kerana ia boleh menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat.

Justeru, Perdana Menteri meminta pemimpin politik yang mahu mengemukakan sebarang cadangan atau kebimbangan mengenai sesuatu perkara supaya menyalurkannya dalam mesyuarat Jemaah Menteri agar boleh diteliti secara menyeluruh.

“Tak payah jadi begini (keluarkan kenyataan sensitif) kerana ini menimbulkan kontroversi yang tidak relevan dalam masyarakat kita. Ini pandangan individu, kalau ada cadangan, ada *concern*, bawa dalam mesyuarat dan kita teliti,” katanya.

Mengenai pensijilan halal, Anwar menegaskan, peraturan sedemikian perlu supaya umat Islam tidak berasa was-was.

“Ada masalah? Peraturan

(pensijilan halal) perlu supaya umat Islam tidak rasa was-was, tapi kalau dia rasakan peraturan itu tidak diperlukan di kawasan tertentu, bincanglah secara elok,” tegas Perdana Menteri.

Usah polemikkan isu

Di Ipoh, Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen DAP Perak ke-20 semalam, berkata apa juga isu yang timbul boleh diselesaikan di peringkat kerajaan melalui Jemaah Menteri.

Berharap isu pensijilan halal dibangkitkan Teresa tidak dipolemikkan, beliau yang juga Menteri Pengangkutan, berkata Naib Pengerusi DAP itu sekadar menyuarakan kebimbangan pengundi di kawasan Parlimen Seputeh yang diwakilinya.

“Sebagai Ahli Parlimen, Teresa mempunyai tanggungjawab menyuarakan pandangan mewakili rakyat kawasannya, terutama apabila cadangan berkenaan dilihat dapat mencetuskan kebimbangan, khususnya kepada pengusaha restoran bukan Islam.

“Sudah tentu apa sahaja dasar dan juga keputusan, ia akan dibincangkan di peringkat Kabinet. Jadi, apa-apa isu kita bincang dalam Kabinet, tak perlu dipolemikkan. Memang biasanya dalam negara kita, banyak isu dipolemikkan,” katanya.

Dalam satu kenyataan kemudian, Loke menjelaskan, Biro Guaman DAP akan memberi nasihat dan bersama Teresa apabila pemimpin itu dipanggil memberi keterangan kepada polis serta memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa.